

# NAPEI yakin bilangan pelajar bumiputera di IPTS bertambah

UM 17 JUN 2002

KUALA LUMPUR 16 Junyang menjalankan program berkembar dengan Persatuan Kolei-kolei Swasta Malaysia (NAPEI) yakin bilangan pelajar bumiputera di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) akan bertambah apabila mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dilaksanakan di sekolah rendah dan menengah tahun depan.

Presidennya Dr. Mohamed Thalha berkata, peningkatan itu dijangka dapat dilihat dalam tempoh tiga atau empat tahun lagi jika semua pihak bersungguh-sungguh melaksanakannya.

Selama ini, menurut beliau, kelemahan berbahasa Inggeris menjadi halangan utama pelajar bumiputera memasuki IPTS selain faktor kewangan.

"Kebanyakan IPTS besar

itu diambil, ia memerlukan selama 11 tahun untuk menampakkan hasilnya.

Mohamed seterusnya mencadangkan supaya kertas soalan bagi kedua-dua mata pelajaran itu turut dibuat dalam bahasa Inggeris.

"Jika mata pelajaran itu diajar dalam bahasa Inggeris, soalan dan jawapan peperiksaan juga perlu dibuat dalam bahasa itu," jelasnya.

Beliau menjelaskan, kefasihan berbahasa Inggeris adalah salah satu syarat utama kemasukan pelajar ke IPTS terutama yang mempunyai program berkembar dengan universiti luar.

Mohamed berkata, beberapa masalah mungkin perlu dihadapi di peringkat awal pelaksanaannya ter-

utama dari segi penyediaan buku teks atau rujukan dalam bahasa Inggeris.

Dalam hal itu, jelas beliau, Kementerian Pendidikan boleh merujuk kepada buku-buku teks di Singapura yang lebih awal melaksanakan pengajaran bahasa Inggeris dalam sistem pengajarannya.

"Bagi tahun satu dan dua, kurikulum di Singapura tidak jauh berbeza dengan negara kita," jelasnya.

Beliau menambah, beberapa negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Filipina telah lebih awal melaksanakan pengajaran bahasa Inggeris bagi kedua-dua mata pelajaran itu.